

03 AUG 2003

PERDANA MENTERI BANGGA KEBOLEHAN TERSENDIRI ANAK MALAYSIA

PUTRAJAYA, 3 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melahirkan perasaan bangga dengan kebolehan dan kecekalan rakyat Malaysia seperti yang ditunjukkan perenang maraton Abdul Malik Mydin dan pemain badminton negara Wong Choong Hann.

Abdul Malik kini dalam percubaan menjadi perenang pertama Malaysia menakluki Selat Inggeris manakala Choong Hann menjadi pemain badminton perseorangan pertama negara yang beraksi di peringkat akhir Kejohanan Badminton Dunia ke-13 di Birmingham, England.

"Alhamdulillah nampak 'Malaysia Boleh' walaupun Malik belum sampai lagi ke Calais dan kita belum menang untuk jadi juara dunia (di Birmingham). Bagaimanapun Choong Hann tewas dalam perlawanan itu.

"Saya berdoa mereka dapat kejayaan. Ini menunjukkan bahawa rakyat Malaysia mempunyai kebolehan tertentu," katanya pada sidang media selepas menutup Karnival Putrajaya 2003 di sini malam ini.

Dr Mahathir dilaporkan telah menelefon dua kali ke England untuk memberi kata perangsang kepada Abdul Malik yang memulakan renang dari pantai Abbots Cliff di Dover pada pukul 2.08 pagi waktu tempatan (9.08 pagi waktu Malaysia) menuju ke pantai Cap Gris-Nez di Calais, Perancis.

Choong Hann, juara Terbuka China dan Belanda tahun lepas, bertemu pemain handalan China Xia Xuanze pada perlawanan akhir di National Indoor Arena, Birmingham.

-- BERNAMA

MAM BK